



22 SEP, 2026

Tiga geng curi kabel tumpas, tujuh suspek ditahan



Sinar Harian, Malaysia

Tiga geng curi kabel tumpas, tujuh suspek ditahan

TEMERLOH - Tujuh termasuk seorang wanita anggota tiga geng yang disyaki terlibat kes curi kabel di sekitar daerah ini ditahan dalam beberapa serbuan di sini antara Selasa hingga Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Mohd Nasyim Bahron berkata, semua suspek berusia 16 hingga 40 tahun yang ditahan sekitar Temerloh dan Mentakab itu dipercayai anggota Geng Mat Letrik, Geng Mista dan Geng Sasi.

Menurutnya, semua anggota geng terbabit termasuk enam yang masih bebas dipercayai turut terlibat dalam lima kes curi kabel komunikasi dan utiliti milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM) yang dilaporkan berlaku dalam tempoh empat bulan kebelakangan ini dengan anggaran kerugian kira-kira RM100,000.

"Susulan penahanan suspek terlibat, polis turut merampas sejumlah kabel, sebuah kereta dan



Mohd Nasyim menunjukkan identiti enam suspek yang masih bebas dan dikehendaki bagi membantu siasatan.

lori serta alat pembuka *main hole* yang digunakan dalam kegiatan tersebut.

"Hasil soal siasat dijalankan mendapati tiga suspek terlibat secara langsung mencuri kabel manakala dua lagi membantu proses kabel dicuri untuk mendapat logam berharga terutama tembaga," katanya pada sidang

akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Temerloh di sini pada Isnin.

Mohd Nasyim berkata, semakan mendapati empat suspek memiliki rekod lampau berkaitan dadah dan jenayah.

"Hasil ujian saringan air kencing ke atas semua suspek, salah seorang daripada mereka positif

dadah jenis methamphetamine.

"Semua suspek ditahan reman sehingga Selasa bagi membantu siasatan dan kes disiasat di bawah Seksyen 379 dan Seksyen 431A Kanun Keseksaan.

"Kes turut disiasat mengikut Seksyen 235 (2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM500,000 atau penjara selama lima tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini masih mengesan tujuh suspek yang masih bebas bagi membantu siasatan.

"Polis telah selesai buat soal siasat ke atas semua suspek yang ditahan dan perintah reman yang berakhir pada Selasa dijangka akan dilanjutkan untuk melengkapkan siasatan," katanya.

Menurutnya, tindakan akan diambil termasuk menggantung lesen kepada premis atau kedai barang lusuh yang didapati membeli kabel curi.